

## Amar Makruf

Abu Hurairah RA meriwayatkan, sabda Rasulullah SAW:

مُرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَإِنْ لَمْ تَعْمَلُوا بِهِ وَإِنْ لَمْ تَسْتَهُوا عَنْهُ

**Maksudnya:** "Anjurkanlah kebaikan itu meskipun kamu belum dapat mengerjakannya dan cegahlah segala yang mungkar meskipun kamu belum menghentikannya."

Riwayat Abu Laith al-Samarqandi dalam *Tanbih al-Ghafilin* (hal 58), al-Tabarani dalam *al-Saghir* (981) dan *Dhaif al-Jami'* (5259)

## Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini dimulakan dengan kalimah dengan maksud perintahkanlah yang merupakan *sighah fi'il amar*. Kebanyakan ulama usul berkata *sighah amar* dihukumkan dengan wajib kecuali jika adanya arahan-arahan yang lain yang menukar daripada wajib kepada sunat atau lainnya.
2. Arahan supaya pelaksanaan amar makruf jelas berdasarkan kepada hadis di atas. Walaupun begitu, kepada yang ingin melaksanakannya perlulah memahami *fiqh al-dakwah*. Ini bertujuan untuk mencapai maksud amar makruf di mana pemberi nasihat dan penerimanya merasa lapang dada dan mudah untuk menerima hakikat tersebut.
3. Seterusnya, dengan cara dan uslub yang betul serta penuh hikmah sudah pasti menatijahkan masyarakat dan umat yang benar-benar bernaung di bawah syiar Islam. Akhirnya terbentuklah ungkapan yang dirakamkan oleh Allah dalam al-Quran sebagai *baladun tayyibatun wa rabbun ghafur*.

4. Dalam melaksanakan konsep amar makruf mestilah didahului dengan *fiqh al-dakwah* di samping sahsiah yang unggul. Ini kerana, ia boleh memberi kesan yang besar dalam menyampaikan risalah dakwah.
5. Di sana terdapat satu perkara yang tidak termasuk dalam hak-hak yang diatur oleh undang-undang atau dimestikan oleh kehakiman dan kerjasama melaksanakannya. Perkara itu adalah sikap toleransi yang jelas daripada pergaulan yang baik, penjagaan konsep kejiranan dan keluasan perasaan kemanusiaan yang merangkumi berbuat baik, mengasihani dan ihsan.
6. Inilah perkara yang dituntut oleh kehidupan seharian. Ia tidak boleh dipisahkan daripada undang-undang dan juga kehakiman. Sikap inilah yang hampir-hampir pupus di kalangan masyarakat bukan Islam.
7. Abu Laith berkata: Mereka yang ingin melaksanakan amar makruf perlu kepada lima perkara:
  - i. Ilmu. Ini kerana orang jahil sukar untuk melaksanakan amar makruf.
  - ii. Berniat kerana Allah dan meninggikan agama.
  - iii. Penuh perasaan kasih sayang ketika menyuruhnya.
  - iv. Bersifat sabar dan lemah lembut.
  - v. Hendaklah beramal apa yang diperintah supaya tidak menjadi cakap tidak serupa bikin.
6. Al-Sonhaji di dalam tafsirnya *Abr al-Athir* berkata: Golongan yang menjalankan dakwah tersebut hendaklah mempunyai syarat-syarat yang cukup supaya dapat seruan atau dakwah itu dijalankan dengan sebaik-baiknya sehingga menghasilkan contoh yang mudah diteladani:
  - Hendaklah ia mengetahui keadaan orang yang diserunya, persediaannya, tabiatnya dan pekerjanya iaitu yang berhubung dengan pergaulan hidup mereka.
  - Hendaklah ia mengetahui bahasa-bahasa yang digunakan oleh golongan atau umat yang diserunya. Ini kerana Nabi SAW pernah menyuruh setengah sahabatnya mempelajari bahasa Ibrani (bahasa Yahudi) untuk bertutur kata dengan orang-orang Yahudi, yang menjadi jiran mereka dan menyuruh mempelajari keadaan mereka.

- Hendaklah ia mengetahui kandungan al-Quran dan al-Sunah, perjalanan Nabi SAW serta perjalanan Khulafa al-Rasyidin.
  - Hendaklah ia mengetahui jenis agama dan mazhab sesuatu umat atau bangsa, supaya diketahuinya mana-mana yang batil atau yang salah sebab sesuatu yang batil atau salah itu sekiranya tidak dapat diperlihatkan dengan jelas, tidak mudah manusia mahu menoleh kepada yang hak yang dipunyai oleh orang lain, walaupun ia berkali-kali diseru agar mengikutinya tidak mudah ia mahu menerimanya.
7. Boleh dikatakan secara umum bahawa tugas menyampaikan dakwah atau seruan agama, tidak dapat dijalankan melainkan oleh orang-orang yang khusus, yang mengetahui benar-benar akan rahsia-rahsia hukum-hukum agama dan memahaminya. Mereka itu terdiri dari golongan orang-orang yang telah disyaratkan oleh Allah SWT:

فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

**Maksudnya:** *Mengapa tidak pergi sebahagian di antara tiap-tiap golongan dari mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, mudah-mudahan mereka itu berhati takut (dari melakukan larangan Allah).*

(Surah al-Taubah: 122)

8. Mereka itulah yang menjalankan tugas dakwah mengikut kadar ilmu pengetahuan mereka yang dilancarkan di masjid-masjid, di tempat ibadat-ibadat, di majlis-majlis pelajaran, di rumah-rumah persatuan, di waktu perjumpaan-perjumpaan ramai dan di dalam sesuatu perayaan jika ada kesempatan bagi mereka.
9. Tugas-tugas demikian jika mereka sentiasa menjalankan dakwah Islamiah, nescaya akan mendatangkan kebaikan yang amat banyak dan besar gunanya, serta janganlah pula khuatir walau berapa banyak rintangan yang menghalang, nescaya mereka berakhir dengan mendapat kemenangan kerana Allah SWT menyatakan:

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

**Maksudnya:** Dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.

(Surah ali-Imran: 104)

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Jangan menunggu ucapan terima kasih dari manusia.** Cukuplah pahala dari Zat yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Tidak ada yang perlu anda lakukan terhadap orang yang membangkang, dengki dan iri hati.
- ❖ **Pujangga berkata:** Terimalah diri anda dengan seadanya. Satu hal yang sangat penting adalah proses berfikir yang anda jalani sampai anda harus menentukan bahawa anda menerima diri anda dengan seadanya, sampai anda yakin sekali bahawa anda berbuat dengan jati diri anda, dan sampai anda tidak mengabaikan kritikan yang menyinggung perasaan anda, iaitu sepanjang berada di atas jalan yang benar. Ini kerana kebahagiaan itu akan tersisih dengan sendirinya ketika keraguan atau perasaan bersalah itu merasuk ruang fikiran anda.

### Kisah Teladan

Brazreg Gemher seorang penguasa Parsi zaman dahulu pernah menceritakan sebuah kisah kepadaku: Dulu, di samping istana Raja Kisra ada sebuah reban tua milik seorang nenek. Nenek tersebut memelihara seekor ayam di pondoknya itu. Suatu hari ia mengadakan perjalanan ke suatu tempat, dan sebelumnya ia berdoa kepada Allah SWT: “*Ya Allah aku serahkan ayamku ini kepada-Mu selama aku bermusafir.*” Sementara nenek itu masih berada di tempat tujuannya, Si raja berkeinginan untuk memperluaskan istana dan tamannya.

Maka reban itupun dirobuhkan oleh para tenteranya, dan ayam yang ada di dalam reban itu disembelihnya. Ketika nenek itu kembali dari perjalanannya, maka diapun melihat reban dan ayamnya sudah tidak ada lagi, lalu diapun berdoa kepada Allah SWT: “*Ya Tuhan di manakah Kamu ketika aku sedang bermusafir?*”

Mendengar doa nenek tua itu, maka Allah SWT pun membela nenek tersebut dan menuntut balas terhadap si raja yang telah melakukan sewenang-wenangnya terhadapnya.

Tidak lama selepas kejadian itu, raja tersebut dibunuh oleh puteranya sendiri semasa ia sedang tertidur nyeyak di atas tilam empuknya. Allah SWT berfirman:

أَلَيْسَ اللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُ ۗ وَيُخَوِّفُونَكَ بِالَّذِينَ مِنْ دُونِهِ ۗ وَمَنْ يُضِلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ

**Maksudnya:** *Bukankah Allah cukup untuk mengawal dan melindungi hamba-Nya (yang bertakwa)? Dan mereka menakutkanmu (wahai Muhammad) dengan yang mereka sembah yang selain daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan oleh Allah SWT (dengan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapapun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya.*

(Surah al-Zumar: 36)

Semoga kisah yang telah diceritakan di atas dapat memberi pengajaran kepada kita dan kita dapat mengikuti jejak nenek tua tersebut. Allah SWT telah berfirman:

لَئِنْ بَسَطْتَ إِلَيَّ يَدَكَ لِتَقْتُلَنِي مَا أَنَا بِبَاسٍ بِإِيدِي إِلَيْكَ لِأَقْتُلَكَ ۗ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ

**Maksudnya:** *Demi sesungguhnya! Kalau kamu menggerakkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku sekali-kali tidak akan menggerakkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Sesungguhnya aku takut kepada Allah SWT, Tuhan yang mentadbirkan sekalian alam.*

(Surah al-Maidah: 28)

Dalam hal ini Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud: “*Jadilah kamu hamba Allah SWT yang terbunuh dan janganlah kamu menjadi hamba-hambanya yang membunuh.*”

Sesungguhnya banyak sekali amalan-amalan Islam yang perlu dilaksanakan sebagai ganti dari sikap iri hati, benci, hasad, dengki dan dendam.